

07/02/1997

Kelantan sokong syor kerahan tenaga

KOTA BHARU, Khamis - Kerajaan Pas Kelantan menyokong penuh langkah Kerajaan Pusat berhubung cadangan membolehkan lepasan sekolah menyertai program kerahan tenaga bagi mengurangkan gejala sosial, terutama di kalangan belia Melayu.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata kerajaan negeri sedia bekerjasama dengan Kerajaan Pusat termasuk merangka pelan bertindak menangani masalah sosial itu.

"Kerajaan negeri sedia membantu menyediakan kertas kerja dan sanggup menghantar petugas khas dalam bidang agama," katanya selepas berucap di majlis penyampaian sumbangan hari raya kepada guru Pusat Asuhan Tunas Islam (Pasti) di JKR 10, di sini, hari ini.

Semalam Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata, cadangan itu adalah antara pandangan yang akan dikaji kerajaan selain menilai semula isi kandungan sistem pendidikan Islam sebelum merangka program bersepadu untuk memerangi gejala berkenaan.

Nik Aziz berkata, program kerahan tenaga itu juga sepatutnya menekankan aspek pembentukan rohani jika mahu melihat sikap belia berubah.

"Kerahan tenaga melalui program sukarela sahaja tidak memadai tanpa diisi dengan aspek rohani dan tidak ada cara lain yang kecuali cara dibuat oleh Nabi," katanya.

Beliau memberi contoh mengenai ramai kalangan anak muda yang dikerah menjalani latihan di pusat tahanan serenti kerana penagihan dadah, tetapi mengulangi kegiatan itu kerana tidak diisi sepenuhnya dengan akidah Islam.

"Masalah ini mungkin timbul disebabkan kurangnya penekanan ke arah itu di samping masalah kepakaran," katanya.

Nik juga mahu media massa terutama media elektronik supaya mengubah program yang boleh membangkitkan nafsu kerana ia menjadi punca keruntuhan moral anak muda.

"Jangan pula hospital kita buat dan masjid kita bina, tetapi dalam masa yang sama kita membiarkan nyamuk membiak dan pusat hiburan berleluasa. Ini menyebabkan kita tidak tahu arah dan tujuan," katanya.

Sementara itu, Majlis Belia Kelantan (MBK) turut menyokong cadangan Perdana Menteri itu dan bersedia memberi komitmen bagi menjayakannya.

Timbalan Presidennya, Wan Abdul Rahman Wan Hussein, berkata fungsi institusi pendidikan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga penting bagi menyokong hasrat kerajaan menangani gejala sosial itu.

MBK juga berharap Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melaksanakan segera program Khidmat Sosial Negara (KSN).

(END)